dijalankan di sekolah. Modul pentaksiran akan dijadikan panduan dan menjana idea dalam mempelbagaikan strategi berdasarkan modul pentaksiran yang disediakan seiring dengan kemahiran berfikir murid. Selain itu, ciri-ciri model pentaksiran yang baik dalam melaksanakan penaksiran pembelajaran perlu mengikut kurikulum pengajaran yang telah dirancang di bilik darjah. Penekanan bagi pembentukan konstruk kandungan modul perlu dititikberatkan supaya modul pentaksiran menepati konsep kurikulum yang ditetapkan. Garis panduan yang terperinci sangat ditekankan agar hasil yang diperoleh dapat memberi kesan terhadap proses pembelajaran murid.

Secara kesimpulannya, kaedah pentaksiran semasa yang digunakan tidak begitu holistik dan standard dalam menentukan pencapaian murid dalam subjek PK. Oleh itu, Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) telah dibangunkan bagi mengenal pasti tahap pencapaian pemahaman murid sepanjang proses pembelajaran berlangsung. Penyelidik menekankan enam aspek domain kognitif dalam pembinaan MoPPK menggunakan aras Taksonomi Bloom iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Tahap-tahap penilaian akan dihuraikan secara terperinci oleh penyelidik dalam Bab 2.

Oleh itu, selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat serta merealisasikan matlamat dan objektif Pendidikan Kesihatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012a), kerjasama yang jitu diperlukan daripada semua pihak, terutamanya para ibu bapa dalam mendidik anak-anak dengan maklumat dan pengetahuan tentang pendidikan sekolah





yang menyeluruh (Irwan Fariza, Mohd Mahzan, & Abdul Razaq, 2020). Sekiranya matlamat ini tercapai, secara tidak langsung ia dapat membantu menilai keberkesanan tahap pemahaman Pendidikan Kesihatan yang telah dijalankan di sekolah dalam kalangan murid-murid. Justeru, satu instrumen pentaksiran untuk mengukur tahap kefahaman murid terhadap Pendidikan Kesihatan dalam semua komponen yang boleh digunakan dan relevan adalah amat diperlukan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai peringkat transformasi bagi memastikan pendidikan ini mencapai sistem pendidikan berkualiti yang menyeluruh dalam kalangan semua pihak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012b). Menurut Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Amin Senin, transformasi sistem pendidikan yang terkini adalah pentaksiran murid kini adalah lebih berteraskan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (Ismail, 2019). Beliau menerangkan PBD merupakan salah satu daripada empat komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan diikuti Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), Pentaksiran Psikometrik (PPSi) dan Pentaksiran Pusat, iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk Tahun Empat dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).

Pendedahan tentang amalan PBS bukanlah amalan baharu dalam sistem pendidikan negara kerana ianya sudah lama diperkenalkan pada tahun 2011 (Lembaga







Peperiksaan Malaysia, 2013). Namun melalui pemansuhan ini adalah bertujuan untuk mentaksir murid secara holistik dan menjadikan transformasi ini sebagai anjakan paradigma bagi merealisasikan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ke arah aspirasi negara untuk membangunkan insan yang seimbang (Ismail, 2019). Hal ini seiring dengan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dikeluarkan pada tahun 2012 bertujuan untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, sosioekonomi dan tahap keupayaan murid (Che Nidzam, Saidatul, & Asmayati, 2016). Bagi memastikan matlamat yang telah disasarkan tercapai maka jurang pendidikan perlu dirapatkan supaya akses, ekuiti dan kualiti dapat dipertingkatkan sama ada daripada aspek lokasi iaitu kawasan, teknologi, tahap pencapaian murid serta jurang antara sosioekonomi.

PBD merupakan salah satu kaedah pentaksiran yang digunakan oleh guru sejak 2016. Konsep pentaksiran ini berasaskan pentaksiran sekolah dan melibatkan penentuan tahap penguasaan murid dalam pelbagai mata pelajaran yang dipelajari di sekolah. Tahap penguasaan murid telah dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah perlu bermula dari aspek perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan serta pelaporan yang lengkap (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014)

Oleh yang demikian, guru memerlukan latihan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk pelaksanaan PBS. Hal ini disebabkan oleh kesan yang sangat





besar dari pelaksanaan PBD terhadap pentaksiran pusat dan implikasinya terhadap kesahan, kebolehpercayaan, dan praktikal. Walaupun pentaksiran merupakan sesuatu yang baharu dalam dunia pendidikan, PBS telah menjadi kebimbangan dalam kalangan para guru dalam melaksanakannya.

Pelaksanaan PBS merupakan kaedah baharu yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia di mana proses pelaksanaan dijalankan secara berterusan sepanjang pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan melibatkan banyak aspek yang perlu difokuskan secara menyeluruh dan penekanan terhadap komponen perlu diberi perhatian iaitu melalui penglibatan murid-murid secara penghayatan ilmu, berinteraksi dengan guru, rakan dan masyarakat serta penyimpanan rekod kesihatan dan kegiatan murid sebagai bukti pembelajaran (Kashuba et al., 2018).

Salah satu kepentingan dalam penyediaan modul pentaksiran bagi Pendidikan Kesihatan adalah membantu guru dalam menghadapi kesediaan dalam menaksir murid pada bila-bila masa. Guru ibarat penggerak kepada murid dalam memastikan objek pembelajaran tercapai mengikut apa yang dikehendaki. Menurut Mohd Haidzir dan Norasmah (2019), guru tidak dapat menaksir murid kerana tidak bersedia dan tidak yakin dalam melaksanakan pentaksiran. Kebanyakan guru masih berasa takut dengan pentaksiran gaya lama yang menggunakan penilaian sumatif.





Selain itu, pelaksanaan modul pentaksiran secara tidak langsung akan dapat menambah pengetahuan guru dalam ilmu pentaksiran. Hal ini disebabkan menurut kajian Che Kamaruddin (2018), guru masih tidak mempunyai pengetahuan, kesediaan dan amalan yang mencukupi dalam bidang pentaksiran serta tidak mengajar dengan memanfaatkan opsyen yang tersedia. Di samping itu, pendekatan PBS memberi tumpuan kepada kemajuan berterusan murid dan bukan semata-mata akauntabiliti berdasarkan jenis pentaksiran yang lebih terbuka.

Bebanan guru yang semakin meningkat menjadi kebimbangan dan memberikan kesan terhadap pelaksanaan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan, seperti menjalankan pentaksiran PBS bagi mata pelajaran yang diajar. Hal ini turut disokong oleh kajian Abdull Sukor, Abd. Rahim, dan Mohamad Yazi (2006) yang menunjukkan bahwa guru berasa sangat terbeban dengan tugas sekolah, sama ada di bidang akademik mahupun bukan akademik di salah sebuah daerah di negeri Kedah. Oleh itu, kemudahan penggunaan modul pentaksiran yang dirancang diharapkan dapat memberi impak terhadap tugas guru untuk menjadi lebih cekap dan menjalankan pentaksiran dengan mudah dan terancang.

Selain daripada pelaksanaan pentaksiran yang berfokuskan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru, murid juga tidak terkecuali dari aspek memastikan penguasaan mereka dalam matapelajaran yang dipelajari. Dalam latar belakang kajian yang membangunkan modul pentaksiran bagi matapelajaran Pendidikan Kesihatan, fokus utama adalah memastikan komponen yang ditaksir



mencapai objektif pentaksiran yang dijalankan. Komponen utama yang diterapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan adalah PEERS, Pemakanan dan Pertolongan Cemas.

Tambahan lagi, menurut Ye et al. (2018), kepentingan penekanan terhadap ilmu Pendidikan Kesihatan merupakan sebahagian daripada tanggungjawab individu. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (1998) mendefinisikan kesihatan merupakan satu tahap atau keadaan apabila seseorang individu itu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari aspek fizikal, mental, dan sosial, serta bukan sahaja bebas daripada penyakit atau tidak upaya. Pengetahuan terhadap aspek kesihatan fizikal, mental dan emosi perlu diberi perhatian dalam kalangan murid masa kini kerana ianya memberi kesan terhadap kehidupan sepanjang hayat mereka (Norazwa, 2013). Menurut Wiek, Tkacz, Mozolewski, Kuśmierczyk, dan Rybaczek (2017), pedagogi dan pendidikan institusi memainkan peranan yang penting dalam pendidikan kesihatan. Kajian mereka menyatakan bahawa tujuan pendidikan kesihatan bukan semata-mata untuk memperoleh ilmu sebaliknya menjadikan amalan dan tingkah laku yang membawa ke arah gaya hidup sihat sebagai satu budaya.

Seterusnya, fokus kajian adalah untuk memberi penekanan terhadap pelaksanaan modul pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Kesihatan yang mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang diterima secara holistik. Ciri-ciri pembinaan modul pentaksiran yang baik perlulah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut kajian Barnett et al. (2016), keperluan kesahan dan kebolehpercayaan



yang melibatkan kriteria yang ingin diukur dalam menghasilkan instrumen perkembangan motor kasar adalah sangat diperlukan. Namun malangnya, dalam konteks pentaksiran Pendidikan Kesihatan, kajian Azali et al. (2012) menunjukkan bahawa tiada satu penilaian standard bagi menguji pemahaman murid bagi mata pelajaran ini. Kepentingan penilaian PK sangat penting untuk memberi maklum balas guru dan murid tentang pencapaian sesuatu bidang (Jemaah Nazir, KPM 2009). Penilaian juga bukan sahaja untuk melihat pencapaian murid, malah ia digunakan untuk menentukan tahap pencapaian dan mendapatkan maklum balas murid bagi membuat penambahbaikan (Munroe, 2017). Oleh yang demikian, pembangunan modul pentaksiran perlu dilihat dari pelbagai pelbagai aspek, terutamanya instrumen yang digunakan. Instrumen yang digunakan harus mencapai standard seiring dengan kurikulum yang telah ditetapkan, bagi memastikan objektiviti pembelajaran tercapai.

Secara rumusannya, modul pentaksiran yang standard perlu dibina bagi menyelesaikan masalah kajian ini. Cadangan penyelidik untuk pembinaan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) sangat diperlukan untuk memenuhi kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa sistem pendidikan perlu melalui perubahan sistematik dan komprehensif sekiranya Malaysia ingin menghasilkan individu yang mampu bersaing di pasaran global (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pembangunan MoPPK ini adalah berpandukan model ADDIE berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Pendidikan Kesihatan sekolah rendah Tahun 4. Melalui DSKP tersebut, penyelidik





akan menggunakan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) mengikut komponen yang telah ditetapkan untuk menghasilkan soalan-soalan untuk ditaksir dalam kalangan murid yang terlibat. Setiap SK dan SP akan dinilai menggunakan 6 Tahap Penguasaan (TP) mengikut tafsiran masing-masing. MoPPK juga telah dibina dengan berlandaskan konsep Taksonomi Bloom bagi pentaksiran kognitif, Taksonomi Dave bagi pentaksiran psikomotor dan Taksonomi Krathwohl bagi pentaksiran afektif.

### 1.3 Penyataan Masalah



Pelaksanaan sistem pentaksiran berasaskan sekolah diwujudkan untuk memberi kefahaman dan membantu pentadbir sekolah dan guru dalam melaksanakan penilaian bagi mendapat maklum balas berkaitan dengan perkembangan pembelajaran murid dan keberkesanan pedagogi. Maklumat daripada pentaksiran tersebut digunakan untuk merancang tindakan susulan yang perlu dilakukan sama ada semasa pengajaran dan pembelajaran atau selepas itu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c). Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah ini secara tidak langsung dapat membantu guru dalam menentukan kaedah pentaksiran yang sesuai digunakan, melaksanakan pentaksiran yang berkesan, membuat pertimbangan professional dalam menentukan tahap penguasaan murid serta membuat tindakan susulan.



Salah satu permasalahan kajian yang dapat dilihat dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah ini adalah ianya menjadi satu bebanan tugas dalam kalangan guru (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014). Perkara ini sangat disokong dalam kajian Shantini, Faizal, dan Norfariza (2018), bahawa perkara ini berlaku disebabkan tugas pengurusan fail dan menangani masalah disiplin murid yang banyak. Dapatan kajian mereka mendapati terlalu banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh guru disebabkan tugas-tugas sampingan terutama sekali urusan pentadbiran. Kesenambungan daripada kajian tersebut, pengurusan eviden pentaksiran bagi PBD tidak dapat dilaksanakan dengan telus kerana guru sentiasa dalam keadaan yang tidak bersedia dan kekurangan bahan sumber untuk menaksir. Oleh yang demikian, pelaksanaan PBD perlu diselaraskan bagi memudahkan guru dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan sumber yang pelbagai (selain daripada buku teks) untuk mentaksir tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran tertentu.

Menurut laporan tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi tahun 2017, pelaksanaan pendekatan Pembelajaran Abad ke-21 bagi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menunjukkan masih terdapat guru yang belum menguasai kurikulum pedagogi dan pentaksiran serta menterjemahkannya dalam PdPc secara berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Lanjutan daripada perkara ini, faktor utama adalah berpunca daripada kecairan maklumat dan menyebabkan perbezaan kefahaman terhadap pelaksanaan pentaksiran di sekolah. Hasil kajian Hamimah dan Rohaya (2015) sangat menyokong pernyataan laporan di atas dengan menunjukkan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah masih tidak dikuasai oleh



guru sepenuhnya, seperti proses pelaksanaan pentaksiran dari aspek melaksanakan, membuat pemerhatian, mengumpul, merekod, mentafsir dan menilai. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan pentaksiran tidak dapat dijalankan kerana ilmu pentaksiran masih belum dikuasai dalam kalangan guru sepenuhnya disebabkan oleh kurangnya penekanan terhadap pendedahan maklumat mengenai.

Isu guru bukan opsyen mengajar subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan juga sudah menjadi lumrah dalam bidang ini. Kajian Layang & Mahamod (2019) menunjukkan pembelajaran yang berkesan akan wujud jika guru dapat menguasai mata pelajaran itu sendiri. Namun permasalahan ini timbul apabila semakin ramai guru yang bukan opsyen mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, dan menyebabkan murid menjadi mudah jemu dan membosankan. Perkara ini sangat bercanggah dengan kajian yang menyatakan bahawa mata pelajaran PJKK seharusnya diajar oleh guru opsyen sahaja (Ismail, 2015).

Seterusnya, guru juga turut menghadapi masalah untuk menghasilkan instrumen pentaksiran bagi pelaksanaan PBD. Dapatan kajian Mohd Haidzir dan Norasmah (2019), pernyataan ini turut disokong, di mana guru masih keliru dan belum bersedia dalam melaksanakan PBD. Selain itu, kajian tersebut juga turut menyarankan setiap pentaksiran perlu merangkumi dokumen standard kurikulum dan pentaksiran mengikut mata pelajaran. Sekiranya masalah ini berpanjangan, proses pelaksanaan pentaksiran akan menjadi kurang tepat dan pencapaian yang digariskan KPM terhadap PBD tidak akan tercapai.







Sumber rujukan yang melibatkan PBD dan instrumen pentaksiran adalah amat terhad. Permasalahan ini telah dibuktikan dengan dapatan kajian daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia yang melibatkan guru negeri Sabah dan Sarawak serta kawasan pedalaman (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014). Sumber yang digunakan kini hanyalah buku teks dan modul PBS, namun instrumen pentaksiran yang sedia ada tidak bersifat holistik dan tidak seiring dengan pelaksanaan DSKP (Liza, 2017). Sumber rujukan yang terhad akan menyebabkan guru melaksanakan proses pentaksiran mengikut fahaman sendiri tanpa memikirkan kesan yang negatif terhadap sistem pendidikan ini.



Pelaksanaan proses pentaksiran yang tidak mengikut standard dan mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan bagi sesuatu instrumen pentaksiran akan menyebabkan ketelusan penilaian tidak dapat dijalankan. Permasalahan ini banyak ditekankan dalam latar belakang kajian, di mana mata pelajaran Pendidikan Kesihatan sememangnya tidak mempunyai pentaksiran yang standard serta boleh digunapakai dalam sistem pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian, perkara ini akan menjadi satu kekangan bagi guru dalam menaksir murid dengan mudah dan teratur.

Tambahan lagi, pelaksanaan pentaksiran sangat disarankan dalam sistem pendidikan Malaysia dengan tujuan untuk meningkatkan kompetensi murid ke tahap yang optimum. Kelebihan pentaksiran juga dikatakan dapat memperbaiki kelemahan dalam pembelajaran, mengurangkan tekanan murid dalam menghadapi peperiksaan dan dapat meningkatkan pencapaian gred murid dalam peperiksaan (Siti Nor Aisah





Moktar, Zaliza, Tee, Suriani & Ridzwan, 2018). Namun, senario ini masih tidak dapat dilihat keberkesanannya kerana penggunaan pentaksiran di sekolah kurang dipandang berat dalam kalangan murid dan guru. Selain itu juga, melalui laporan Unit Penyelidikan Dan Pentaksiran Bilik Darjah Sektor Dasar Dan Penyelidikan Kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2021, pengetahuan berkaitan pentaksiran yang lemah mengakibatkan guru gagal memantau kemajuan pembelajaran murid, dan perancangan pengajaran yang lemah seterusnya tidak dapat menghasilkan keputusan yang adil.

Berdasarkan isu yang telah dikaji, penyelidik telah mengambil tindakan untuk membina satu modul pentaksiran yang standard dalam penilaian bagi mata pelajaran PK. Penggunaan model pentaksiran adalah untuk membantu murid dalam menguasai pembelajaran kandungan komponen bagi mata pelajaran tersebut. Selain itu, pembinaan modul bagi mata pelajaran PK sangat penting kerana penguasaan komponen memerlukan pentaksiran yang lebih bersifat terbuka dalam memastikan murid mencapai tahap pencapaian berdasarkan standard pembelajaran yang ditetapkan. Penggunaan pentaksiran dalam mata pelajaran PK akan mendedahkan murid untuk berfikir secara kritikal dan kreatif dalam menganalisis maklumat mata pelajaran tersebut (Delany et al., 2018).

Dalam proses pembangunan modul ini, penyelidik akan menggunakan model ADDIE sebagai rujukan asas di samping bahan berkaitan lain seperti DSKP Pendidikan Kesihatan, Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 1.2014 dan Modul PBS





Pendidikan Kesihatan. Melalui model ADDIE, penyelidik akan membahagikan peringkat ini dalam tiga bahagian utama iaitu: (i) fasa analisis keperluan melibatkan proses *A- Analysis*, (ii) fasa reka bentuk dan pembangunan bagi proses *D-Design* dan *D-Development*; dan (iii) fasa penilaian bagi proses *I-Implementation* dan *E-Evaluation*. Selain itu juga, penggunaan teori Taksonomi Bloom akan digunakan bagi pentaksiran kognitif untuk menguji tahap penguasaan murid melalui modul pentaksiran yang dibina. Seterusnya, Taksonomi Dave telah digunakan dalam pembentukan aktiviti pentaksiran bagi domain psikomotor dan akhir sekali pentaksiran afektif menggunakan Taksonomi Krathwohl. Melalui pembentukan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan ini, pentaksiran untuk pembelajaran (AfL) dan pentaksiran tentang pembelajaran (AoL) turut digunakan melalui pentaksiran formatif dan sumatif. Pentaksiran formatif akan dinilai secara berterusan menggunakan modul pentaksiran manakala pentaksiran sumatif akan dinilai pada akhir pembelajaran setelah kesemua topik dipelajari.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Secara amnya, penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan Tahun Empat (MoPPK) bagi mata pelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun Empat.



## 1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian, objektif yang telah dibina adalah seperti berikut:

- i. Menentukan nilai kesahan dan kebolehpercayaan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) Tahun Empat.
- ii. Mengenalpasti pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat dengan menggunakan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen PEERS, pemakanan dan pertolongan cemas.
- iii. Melihat perbezaan pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat dengan menggunakan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen PEERS, pemakanan dan pertolongan cemas mengikut kategori sekolah.
- iv. Melihat perbezaan pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat di antara Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) dengan Modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- v. Menganalisis hubungan pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat dengan menggunakan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen PEERS, pemakanan dan pertolongan cemas.
- vi. Mengenalpasti tahap refleksi guru terhadap pelaksanaan pentaksiran Pendidikan Kesihatan bagi tahun empat di sekolah rendah.
- vii. Mengenalpasti kekuatan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen mata pelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun Empat di antara

tahap penguasaan, laporan panel pakar dan persetujuan guru melalui kaedah triangulasi.

## 1.6 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang timbul dalam menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Berapakah nilai kesahan dan kebolehpercayaan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) Tahun Empat?
- ii. Apakah pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat dengan menggunakan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen PEERS, pemakanan dan pertolongan cemas?
- iii. Adakah terdapat perbezaan pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat dengan menggunakan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen PEERS, pemakanan dan pertolongan cemas mengikut kategori sekolah?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat di antara Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) dengan Modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)?
- v. Wujudkah hubungan pencapaian tahap penguasaan murid tahun empat dengan menggunakan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen PEERS, pemakanan dan pertolongan cemas?


- vi. tahap refleksi guru terhadap pelaksanaan pentaksiran Pendidikan Kesihatan bagi tahun empat di sekolah rendah?
- vii. Sejauh manakah kekuatan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan (MoPPK) bagi komponen mata pelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun Empat di antara tahap penguasaan, laporan panel pakar dan persetujuan guru melalui kaedah triangulasi?

### 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Penyelidik telah menganalisis beberapa teori untuk melihat kesesuaian teori yang akan digunakan bagi pembentukan modul pentaksiran PK (MoPPK). Model yang digunakan dalam pembinaan dan reka bentuk MoPPK ini adalah berdasarkan model kitaran ADDIE atau secara terperinci adalah Analisis (*Analysis*), Reka bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*) (Rosset, 1987). Seterusnya, teori yang digunakan oleh penyelidik sebagai panduan dalam pembinaan MoPPK adalah Taksonomi Bloom (Bloom, 1956). Taksonomi Dave (Dave, 1970) dan Taksonomi Krathwohl et al. (Krathwohl et al., 1964).

Tambahan lagi, penyelidik telah menjadikan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM, Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan, DSKP Pendidikan Kesihatan Tahun Empat dan Modul PBS Pendidikan Kesihatan Tahun Empat bagi memastikan pembinaan modul

pentaksiran yang berlandaskan keperluan yang seiring dengan hasrat KPM. Rajah 1.1 menunjukkan gambaran keseluruhan kerangka konseptual yang dijadikan panduan dalam menghasilkan MoPPK.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian





## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina MoPPK bagi mengukur tahap penguasaan komponen mata pelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun Empat dalam kalangan murid sekolah rendah untuk meningkatkan penguasaan murid secara holistik. Menurut Redinger (2017), kepentingan mata pelajaran PK dapat dilihat melalui aplikasi ilmu yang diperoleh dalam kehidupan seharian seperti murid sendiri mampu memperkembang kesihatan sendiri dalam merancang strategi yang mengawal penderaan, nutrisi, senaman, aktiviti seksual, pencegahan kecederaan, pencegahan penyakit kelamin dan pengurusan stres. Kesemua komponen ini amat penting untuk dikuasai oleh semua murid seperti yang disarankan dalam PPPM 2013-2015 untuk menguasai komponen secara menyeluruh bagi memastikan kualiti pendidikan cemerlang setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa.

Pentaksiran yang digunakan dalam MoPPK dapat membantu guru untuk memahami dan menguasai kemahiran melaksanakan proses pentaksiran bilik darjah secara menyeluruh mengikut standard yang ditetapkan dalam DSKP. Hal ini secara tidak langsung akan memberi faedah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan profesionalisme perguruan dari segi pengetahuan dan pedagogi secara konsisten. Tambahan lagi, ianya juga dapat dijadikan bahan maklum balas bagi pihak pentadbir sekolah dalam menilai keberhasilan guru dalam aspek teknik pengajaran. Selain itu, pihak pentadbiran juga boleh menggunakan modul pentaksiran ini sebagai





dokumen standard yang selaras dalam menilai proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru.

Seterusnya, kajian ini boleh dijadikan panduan buat guru untuk merancang dan menambahbaik pelaksanaan pentaksiran seperti yang telah dinyatakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Menurut Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 1. 2014, guru boleh merekod tahap penguasaan murid mengikut kesesuaian masa dan kaedah mereka sendiri tanpa mengumpul data dan bukti hasil kerja murid melalui pernyataan bukti yang terlalu kompleks. Oleh yang demikian, pembinaan modul pentaksiran yang lengkap akan dapat meningkatkan keberkesanan proses pentaksiran yang dilaksanakan. Tambahan lagi, modul yang dibina melalui kajian ini boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan proses PdPc selagi tidak ada perubahan atau pengemaskinian terhadap DSKP Semakan 2017 yang digunakan sekarang.

Pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan perlu ditingkatkan walaupun penggunaan guru bukan opsyen semakin meluas dalam mengajar mata pelajaran ini. Oleh itu, modul pentaksiran ini amat diperlukan dalam menjadikan bahan untuk guru menilai tahap penguasaan murid secara menyeluruh. Modul ini juga dapat membantu guru menentukan tahap penguasaan murid secara terperinci mengikut komponen psikomotor, kognitif dan afektif. Maklum balas yang diperoleh akan dapat membantu ibu bapa memantau perkembangan dan pencapaian anak mereka secara berkala. Melalui pemantauan yang dijalankan oleh ibu bapa, murid akan menjadi lebih bersedia





dalam pembelajaran. Pembelajaran yang berkesan akan dapat menghasilkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Ilmu baharu yang diperoleh daripada hasil dapatan kajian dapat digunakan oleh para penulis dan penyelidik dalam menghasilkan penambahbaikan dan inovasi untuk meningkatkan prestasi murid dalam bidang Pendidikan Kesihatan. Penambahbaikan dalam MoPPK akan digunakan dalam mewujudkan lagi modul pentaksiran yang berbeza selain daripada Tahun Empat sama ada di peringkat rendah dan menengah. Penulis juga boleh menggunakan hasil kajian sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian yang berkaitan dengan pentaksiran PK.



Pelaksanaan MoPPK diharapkan dapat memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Kesihatan untuk melaksanakan pentaksiran secara menyeluruh dan holistik. Seterusnya, melalui pembinaan modul ini dapat memberi kefahaman dan membantu semua pihak yang terlibat dalam bidang ini bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah lebih efektif. Akhir sekali, MoPPK diharap dapat membantu guru menjalankan PdPc dan pentaksiran yang bermakna, seiring dengan hasrat KPM ke arah pengintegrasian kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran abad ke-21.





## 1.9 Batasan Kajian

Limitasi yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian adalah kekangan semasa proses mengumpul data daripada sampel kajian dalam kalangan murid dan guru. Perkara ini berlaku disebabkan tempoh masa yang diberikan adalah agak singkat bagi menghabiskan penilaian modul bagi semua standard pembelajaran yang dipelajari sepanjang tahun. Selain itu juga, proses pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka telah dikurangkan disebabkan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan bagi mengawal penularan wabak Covid-19.



Seterusnya, peruntukan kos yang agak tinggi semasa penyediaan bahan modul kerana ia perlu meliputi enam buah sekolah yang menggunakan modul berbeza mengikut bahasa perantara masing-masing. Oleh itu, salinan perlu diperbanyakkan mengikut bilangan murid yang diperlukan. Seterusnya, proses pengemaskinian modul bagi proses peralihan bahasa juga turut memerlukan kos yang banyak dan diikuti dengan penyediaan bahan grafik dalam kandungan modul bagi menjamin keaslian produk yang dihasilkan.

Ketelusan data tidak dapat dijamin secara keseluruhan disebabkan penyelidik tidak dapat melakukan pemantauan sepanjang proses pengumpulan data secara sepenuh masa. Proses pengumpulan data telah diagihkan kepada guru yang mengajar subjek berkenaan dan diberikan taklimat pelaksanaan sebelum proses tersebut dijalankan.





Seterusnya, rujukan bahan berkaitan dengan pelaksanaan modul pentaksiran bagi subjek Pendidikan kesihatan adalah terhad bagi pendidikan di Malaysia. Oleh itu, proses mendapatkan bahan rujukan asas dalam penyelidikan bidang ini adalah agak sukar dan penyediaan borang seperti borang penilaian, borang soal selidik perlu dibina untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan.

Akhir sekali, penyelidik mempunyai masa yang terhad bagi mendapatkan kesahan pakar bagi memastikan modul boleh digunapakai. Masalah ini adalah disebabkan proses pengumpulan data kesahan pakar melibatkan dua pusingan dan perkara ini mengambil masa disebabkan pemilihan pakar adalah dari pelbagai tempat yang berbeza. Kekangan tugas pakar menyebabkan proses pengumpulan data menjadi lambat dan perlu dipanjangkan masa sebelum membuat proses analisis.

### **1.10 Definisi Operasional**

MoPPK yang dihasilkan bertujuan untuk digunakan di sekolah-sekolah di Malaysia, oleh itu penggunaan istilah piawai adalah penting bagi menyelaraskan kefahaman antara penyelidik dengan pembaca.

MoPPK telah dibina untuk menguji tahap penguasaan murid terhadap komponen mata pelajaran Pendidikan Kesihatan yang melibatkan tiga komponen, iaitu



Pendidikan Kesehatan Reproduksi dan Sosial (PEERS), Pemakanan dan Pertolongan Cemas. Definisi operasi dalam kajian ini adalah seperti di bawah:

### **1.10.1 MoPPK**

Dalam konteks kajian ini, MoPPK merujuk kepada modul pentaksiran Pendidikan Kesehatan yang dibina merangkumi tiga elemen kesihatan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran bagi subjek Pendidikan Kesehatan, iaitu Pendidikan Kesehatan Reproduksi dan Sosial, Pemakanan dan Pertolongan Cemas.

### **1.10.2 Pendidikan Kesehatan**

Dalam konteks kajian ini, pendidikan kesihatan merujuk kepada proses pembelajaran yang membekalkan atau menggunakan pengalaman bagi mempengaruhi secara mendalam tentang kefahaman, sikap dan amalan berhubung dengan kesihatan individu, keluarga dan komuniti.



### **1.10.3 Kesihatan reproduktif dan sosial**

Dalam konteks kajian ini, elemen kesihatan reproduktif dan sosial merujuk kepada pendidikan meliputi aspek perkembangan dan perubahan fizikal, fisiologikal serta psikologikal semasa akil baligh, dan penjagaan kesihatan reproduktif.

### **1.10.4 Pemakanan**

Dalam konteks kajian ini, elemen pemakanan merujuk kepada ilmu pengambilan makanan yang berkualiti untuk membekalkan tubuh dengan zat dan tenaga serta mengekalkan kesihatan badan.

### **1.10.5 Pertolongan Cemas**

Dalam konteks kajian ini, elemen pertolongan cemas merujuk kepada ilmu pengetahuan dan pengendalian rawatan kecemasan yang diberikan kepada mangsa yang cedera sebelum rawatan yang lebih lanjut diberikan oleh pihak yang bertauliah.





## 1.8 Rumusan

Secara kesimpulannya, sehingga kini, masih belum terdapat pelaksanaan modul pentaksiran yang mengukur kesemua konstruk PK Tahun Empat dalam kalangan murid sekolah rendah. Oleh itu, adalah satu keperluan untuk membina modul pentaksiran yang menyeluruh dan bersesuaian.

